

Bayar letak kereta guna aplikasi MEPS

DEWAN Negara semalam diberitahu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merancang melaksanakan sistem pembayaran letak kereta menggunakan aplikasi MEPS yang ada di kebanyakan kad juruwang automatik (ATM).

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk M Saravanan (*gambar*), berkata ia adalah satu daripada pilihan kepada pengguna untuk membuat pembayaran bagi Sistem Tempat Letak Kereta Elektronik (SLKE).

"Ia dapat memberi lebih pilihan kepada pengguna untuk melakukan pembayaran selain menggunakan duit syiling," katanya menjawab soalan Senator Tan Sri Tee Hock Seng pada persidangan Dewan Negara, semalam.

Tee ingin tahu sama ada kementerian mengkaji semula atau menyempatakan SLKE membolehkan pelak-sanaan bayaran elektronik letak kereta di kawasan komersial untuk memudahkan menilikkan barangan dan kesusahan di kalangan war-



ga kota.

Saravanan berkata, DBKL juga dalam proses mengeluarkan pas bulanan kepada pemilik premis terutama di kawasan komersial yang menjadi tumpuan orang awam meletak kenderaan mereka untuk tujuan bekerja.

"Penggunaan pas bagi SLKE ini dapat menyediakan satu lagi alternatif dan peluang kepada pengguna yang bekerja di kawasan itu untuk membuat pembayaran tempat letak kereta secara bulanan," katanya.